

## **PERSEPSI GURU TERHADAP PROFESION PERGURUAN MASA KINI**

Abdul Rahin Bin Hamdan  
Ahmad Johari Bin Hj Sihes  
Jamaluddin Bin Ramli  
Rosliza Binti Hamzah

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310, Utm Skudai, Johor  
Email: p-joha@utm.my

### **ABSTRAK**

Sejak kebelakangan ini, profesion perguruan ditimpa pelbagai masalah dan perkara yang negatif. Tidak kiralah mengenai sistem pengurusannya atau mengenai guru itu sendiri. Persoalannya, mungkinkah fenomena ini memberi kesan yang negatif atau sebaliknya ke atas tanggapan guru yang sememangnya terlibat secara langsung dalam profesion perguruan. Untuk itu, satu kajian tinjauan telah dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui persepsi guru itu sendiri terhadap profesion perguruan masa kini. Seramai 100 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar di tiga buah sekolah menengah di daerah Pasir Mas dijadikan sampel kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Keputusan kajian mendapati bahawa guru - guru memandang tinggi akan profesion perguruan pada masa kini dari segi komitmen tugas, dan sumbangan yang telah di berikan. Tetapi guru menganggap bahawa beban tugas guru kini semakin bertambah.

### **PENGENALAN**

Profesion perguruan adalah bidang yang memberi perkhidmatan yang unik., tetap dan diperlukan oleh masyarakat. Keunikannya hanya akan dirasai dan diketahui oleh mereka yang terlibat dalam profesion ini. Hanya warga profesion perguruan sahaja yang berkemampuan memberi perkhidmatan pendidikan terbaik kepada masyarakat yang mana memberi kesan yang besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap insan (Noran Fauziah dan Ahmad Mahdzan, 1993).

## PROFESION PERGURUAN

Profesion perguruan adalah salah satu profesion yang mencabar dan amat mendesak. Guru diharap mengetahui serba serbi tingkah laku manusia dan memainkan pelbagai peranan untuk menjadikan dirinya seorang pendidik yang berkesan. Kesedaran seperti ini telah lama disuarakan sejak tahun 50an di mana di samping mempunyai sifat-sifat diri yang sempurna, guru dikehendaki memainkan pelbagai peranan seperti yang berikut:

- Sebagai penuntut kepada motivasi : mengetahui kajian-kajian tentang motivasi dari segi falsafah, psikologi, biologi dan sosiologi : mengetahui sifat-sifat semulajadi manusia dari segi psikologi, sosiometri, konsep kemahuan dan konsep diri.
- Sebagai penggalak kepada pembelajaran : mengetahui teori penyekutuan dan teori bidang : mengetahui penentu-penentu sosial dan perseorangan.
- Sebagai pemerhati pertumbuhan pelajar : mengetahui pertumbuhan dan pembangunan manusia : memahami pelajar-pelajar dalam situasi bilik darjah.
- Sebagai tukang seni dan teknik : kebolehan sebagai tukang seni dalam pengajaran: kebolehan dalam melakukan ujian kecerdasan : kebolehan dalam menilai personaliti dan menyimpan rekod dan kebolehan dalam melakukan pemerhatian diri dan kumpulan.
- Sebagai ahli eksperimen: mengetahui hasil-hasil penyelidikan dengan melakukan ujikaji dengan mencuba sesuatu inovasi dalam pengajaran.

Sebagai pentadbir dan terapis : memikul tanggungjawab pentadbiran : menggunakan sumber komuniti dan melaksanakan tugas terapis : tanggungjawab pentadbiran, iaitu memilih teknik pengajaran yang sesuai dengan keadaan, berkomunikasi secara efektif,

menegaskan kerja kumpulan, menghargai sumbangan isi kandungan kursus menginsafi nilai perasaan kekitaan dalam kumpulan (Mohd Salleh Lebar, 1998).

Guru pada masa kini seringkali diperbandingkan dengan guru sebelum perang maksudnya sebelum merdeka. Guru pada masa dahulu di katakan amat dedikasi dan komited terhadap tugasnya sebagai guru. Pada ketika itu, masyarakat amat menyanjungi serta menerima kepimpinan mereka.

Guru diibaratkan sebagai golongan yang cerdik pandai serta berkelulusan tinggi disebabkan ketika itu pegawai lain yang ada pada masa itu, kecil bilangannya. Kaum guru merupakan sebilangan kelompok yang diiktiraf sebagai pemimpin di kampung-kampung. Dalam situasi itu, guru dikatakan atau muncul sebagai pendidik kepada kanak-kanak, pembimbing dan sebagai penasihat kepada masyarakat. Guru pada zaman dahulu juga sanggup berhijrah dan merantau ke negeri lain untuk menyampaikan ilmu ke seluruh negara (Omar, 1991).

Selaras dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh negara dalam setiap bidang kerjaya, profesion perguruan juga tidak ketinggalan dalam mengalami perubahan yang pesat dalam mengikut arus perubahan. Kerjaya yang pada suatu ketika dahulu menjadi sanjungan, tetapi kini telah terhakis kehormatannya lantaran tanggapan masyarakat dan pihak lain yang menilai kerjaya guru seperti kerjaya lain.

Dalarn menjalankan tugas sebagai pendidik, guru perlu menjalankan berpuluh peranan lain sarna ada yang berkaitan dengan pendidikan atau sebaliknya. Prestij profesion perguruan amat rendah dan kurang mendapat sambutan di mata masyarakat pada hari ini. Ini membayangkan betapa masyarakat kurang memberi penghormatan sewajarnya terhadap sumbangan guru dalam masyarakat pada hari ini. Hal ini berlaku kerana pada hari ini terlalu banyak profesion lain yang telah membayangi peranan seorang guru.

Sejak kebelakangan ini, profesion perguruan ditimpa pelbagai masalah dan perkara yang negatif. Media massa sering mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengkritik

profesion perguruan. Tidak kiralah mengenai sistem pengurusannya ataupun mengenai guru itu sendiri. Perkembangan yang berlaku ini telah mendedahkan golongan pendidik di negara ini dengan pelbagai tekanan. Situasi ini akan memberi kesan kepada tanggapan guru terhadap kerjayanya. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi masalah yang berhubung dengan persepsi guru terhadap profesion perguruan masa kini.

### **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan meninjau persepsi guru terhadap kerjayanya pada masa kini. Persoalan kajian yang dikaji adalah seperti berikut:

1. Apakah persepsi guru terhadap kerjayanya sebagai guru?
2. Apakah persepsi guru terhadap sumbangan yang telah mereka sumbangkan pada masyarakat dan negara?
3. Sejauh manakah komitmen seorang guru terhadap tugasnya sebagai guru?
4. Apakah persepsi guru terhadap beban tugas seorang guru?

### **METODOLOGI**

#### **Sampel Kajian**

Sampel kajian ialah 100 orang guru di 3 buah sekolah menengah di daerah Pasir Mas, Kelantan yang terdiri daripada 43 orang lelaki dan 57 orang perempuan. Kesemua mereka adalah guru berijazah dan mempunyai pengalaman mengajar dari 6 hingga 25 tahun.

#### **Instrumen Kajian**

Kajian merupakan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik yang mengandungi 45 item untuk menjawab persoalan kajian yang dinyatakan. Responden perlu menjawab pernyataan berdasarkan tahap persetujuan mereka terhadap pernyataan seperti berikut, 1-

sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju. Min bagi item-item dalam persoalan kajian dianalisis dan dikategorikan mengikut tahap seperti berikut:

1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Persoalan Kajian 1: Apakah persepsi guru terhadap kerjayanya sebagai guru?

Jadual 1 menunjukkan kekerapan, peratus dan min terhadap setiap item untuk menjawab persoalan kajian 1. Analisis menunjukkan min keseluruhan ialah 3.88. Ini menggambarkan bahawa persepsi guru terhadap profesion perguruan sebagai kerjayanya adalah tinggi/baik. Daripada 15 pernyataan yang mengukur persepsi guru terhadap profesion perguruan sebagai kerjaya, lapan daripadanya adalah melebihi min keseluruhan.

Min tertinggi ialah pada item 1 iaitu 4.89. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden bersetuju 100 % bahawa profesion perguruan adalah satu kerjaya yang mulia. Ini diikuti dengan item 9 dengan min 4.64, di mana seramai 99% bersetuju bahawa guru sememangnya suka bekerja dengan rakan yang berilmu dan hanya seorang responden sahaja yang tidak pasti dengan pernyataan ini.

**Jadual 1: Peratus Dan Min Respons Aspek Kerjaya Sebagai Seorang Guru**

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus (N=100)					Min
		SS	S	TP	TS	STS	
1	Profesion perguruan merupakan suatu kerjaya yang mulia.	89	11	0	0	0	4.89
2	Status dan tahap hidup guru Dipandang tinggi oleh masyarakat	15	56	23	6	0	3.80
3	Profesion perguruan memberi saya peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.	28	55	13	4	0	4.07
4	Profesion perguruan suatu pekerjaan Yang berprestij tinggi.	19	49	12	20	0	3.67
5	Saya mengakui bahawa masyarakat sekarang memandang tinggi akan profesion perguruan	7	31	31	31	0	3.14
6	Tugas saya sebagai pendidik kepada pelajar sangat mencabar.	56	42	-	2	0	4.52
7	Perguruan adalah satu kerjaya yang terjamin.	40	55	3	2	0	4.33
8	Guru boleh mendenda pelajar yang melanggar disiplin sekolah ketika pelajar berkenaan berada di sekolah.	40	55	0	5	0	4.30
9	Saya suka bekerja dengan rakan yang berilmu	65	34	1	0	0	4.64
10	Kerjaya sebagai guru, memberi saya peluang untuk berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain	19	35	24	16	6	3.45
11	Saya suka bekerja sebagai guru kerana terdapat cuti yang panjang dalam setahun.	23	31	6	24	16	3.21
12	Persekitaran di sekolah yang selesa membuatkan saya suka untuk mengajar.	48	42	8	2	0	4.36
13	Sebagai guru, saya mempunyai masa lapang yang banyak kerana waktu kerjanya yang singkat.	7	3	0	73	17	2.10
14	Saya memilih profesion perguruan	22	38	18	20	2	3.58

	sebagai kerjaya tetap kerana ia memang pilihan saya.						
15	Saya memang suka menjadi seorang tenaga pengajar.	37	53	10	0	0	4.27
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>71.1%</b>		<b>9.9%</b>	<b>18.9%</b>		<b>3.88</b>

Bagi item 6, nilai minnya juga menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 4.52. Seramai 98% responden bersetuju bahawa tugas sebagai pendidik adalah mencabar. Hanya 2 responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Item 12 juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.36. Sebanyak 90% responden yang bersetuju bahawa persekitaran di sekolah yang selesa membuatkan seseorang guru suka untuk mengajar. Terdapat juga responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini iaitu sebanyak 8% sahaja.

Item 7 juga menunjukkan nilai min yang agak tinggi iaitu 4.33. Sebanyak 95% bersetuju bahawa perguruan adalah satu kerjaya yang terjamin. Manakala 3% responden tidak pasti dan 2% tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala bagi item 8, juga mencatat nilai purata min yang tinggi iaitu 4.30. Seramai 95 responden (95%) yang bersetuju bahawa seseorang guru boleh mendenda pelajar yang melanggar disiplin sekolah ketika pelajar berkenaan berada di kawasan sekolah. Hanya terdapat 5% sahaja responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Item 15 juga mencatat nilai min yang tinggi iaitu sebanyak: 4.27. Sebanyak: 90% responden bersetuju bahawa seseorang guru itu sememangnya suka menjadi seorang tenaga pengajar. Sebanyak 10% responden yang ragu-ragu dan tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Profesion perguruan memberikan peluang kepada seseorang guru itu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana nilai min puratanya sebanyak 4.07 iaitu bagi item 3. Pernyataan ini di sokong atau mencatat nilai setuju yang tinggi iaitu seramai 83 responden. Manakala seramai 4% yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala nilai yang mencatat tidak pasti adalah sebanyak 13%.

Item 12 menunjukkan nilai min purata yang paling rendah iaitu 2.10. Sebanyak: 90% responden yang tidak bersetuju bahawa seseorang guru itu mempunyai masa lapang yang banyak kerana waktu kerjanya yang singkat. Secara keseluruhannya, tanggapan guru terhadap kerjaya mereka sebagai guru adalah pada tahap yang tinggi. Ini kerana purata min yang diperolehi dari data mentah adalah 3.88.

*Persoalan Kajian 2: Apakah persepsi guru terhadap sumbangan yang telah mereka sumbangkan pada masyarakat dan negara?*

Jadual 2 menunjukkan peratus dan min respons bagi item-item dalam persoalan kajian 2. Min keseluruhan ialah 4.31 menunjukkan persepsi guru adalah tinggi terhadap sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara. Tujuh daripada sepuluh pernyataan menunjukkan nilai min yang lebih tinggi daripada min keseluruhan.



**Jadual 2: peratus Dan Min Respons Sumbangan Guru Terhadap Masyarakat Dan Negara**

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus (N=100)					Min
		SS	S	TP	TS	STS	
16	Tugas saya sebagai guru bukan sahaja untuk pelajar malah juga untuk masyarakat.	37	54	5	2	2	4.22
17	Kejayaan pelajar dalam pelajaran adalah bergantung sepenuhnya kepada usaha guru di sekolah.	14	30	9	42	5	3.06
18	Guru merupakan agen perubahan kepada masyarakat.	42	54	2	2	0	4.36
19	Saya bersedia mengadakan kelas tambahan untuk pelajar saya yang akan menqhadaoi peperiksaan.	40	55	5	0	0	4.35
20	Saya bersedia mengadakan kelas tambahan untuk pelajar saya yang akan menghadapi peperiksaan.	61	35	1	3	0	4.54
21	Saya sentiasa memberi kerjasama kepada masyarakat, sekiranya khidmat saya diperlukan.	41	52	5	0	2	4.54
22	Saya sentiasa berusaha untuk membentuk dan melahirkan pelajar atau suatu masyarakat baru yang lebih sempuma dan adil.	65	31	4	0	0	4.61
23	Guru memberi sumbangan yang besar kepada negara dengan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang pelajaran.	67	30	3	0	0	4.64
24	Saya yakin sebagai seorang guru, saya akan mempunyai banyak peluang untuk berbakti kepada masyarakat.	53	40	7	0	0	4.46
25	Profesion perguruan memberi banyak sumbangan atau hasil kepada masyarakat dan negara.	55	30	3	12	0	4.28

<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>81.3%</b>	<b>44%</b>	<b>14.4%</b>	<b>4.31</b>
---------------------------	--------------	------------	--------------	-------------

Nilai min tertinggi adalah 4.64 iaitu bagi item 23, di mana seramai 97 % responden bersetuju bahawa guru memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara dengan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang pelajaran. Tidak terdapat seorang pun responden yang mencatat nilai tidak setuju tetapi hanya 3 % yang tidak pasti dengan pemyataan tersebut.

Min kedua tertinggi pula mencatat nilai 4.61 iaitu bagi item 22, di mana seramai 96% bersetuju bahawa guru sentiasa berusaha untuk membentuk dan melahirkan pelajar atau suatu masyarakat baru yang lebih sempurna dan adil. Hanya 4% responden yang ragu - ragu dan tidak pasti dengan pemyataan tersebut. Manakala tiada responden yang mencatat nilai tidak bersetuju.

Item 20 juga mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.54. Sebanyak 96% responden yang bersetuju bahawa sumbangan dan jasa guru dahulu amatlah dihargai oleh masyarakat berbanding sumbangan guru pada zaman sekarang. Hanya seramai 3 responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pemyataan tersebut manakala seorang responden sahaja yang tidak pasti akan pernyataan tersebut.

Item 21 mencatat nilai min yang sarna dengan Item 20 iaitu 4.54. Seramai 93% responden bersetuju bahawa seseorang guru itu sentiasa memberi kerjasama kepada masyarakat, sekiranya khidmat mereka diperlukan. Sebanyak 5% tidak pasti manakala responden yang tidak bersetuju adalah rendah sebanyak 3% sahaja.

Di dapati nilai min terendah ialah bagi item 17 iaitu 3.06. Sebanyak 44% responden bersetuju bahawa kejayaan pelajar dalam pelajaran adalah bergantung sepenuhnya kepada usaha guru di sekolah. Manakala sebanyak 47% yang tidak bersetuju dengan pemyataan sedemikian. Sementara itu, sebanyak 9% tidak pasti akan pernyataan tesebut.

Keseluruhannya, guru menganggap sumbangan yang telah mereka berikan kepada masyarakat dan negara adalah besar dan tinggi nilainya. Ini berdasarkan pada purata min 4.31 berada pada tahap yang tinggi.

*Persoalan Kajian 3: Sejauh manakah komitmen seorang guru terhadap tugasnya sebagai guru?*

Jadual 3 menunjukkan peratus dan min respons item-item dalam persoalan kajian 3. Min keseluruhan ialah 4.32 menunjukkan aspek ini adalah tinggi. Analisis menunjukkan enam daripada sepuluh pernyataan kesemuanya menunjukkan nilai min yang lebih tinggi daripada min keseluruhan.

**Jadual 3: Peratus Dan Min Respons Komitmen Seorang Guru Terhadap Tugasnya Sebagai Guru**

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus (N=100)					Min
		SS	S	TP	TS	STS	
26	Saya melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan rasa rela hati.	57	41	0	0	2	4.51
27	Guru harus bersedia sebelum masuk ke kelas berbanding dengan lain-lain pekerjaan.	64	34	0	0	2	4.58
28	Saya akan berasa bimbang jika prestasi pelajar saya merosot.	78	20	2	0	0	4.76
29	Saya akan membimbing pelajar dalam gerak kerja ko kurikulum berpandukan pengalaman dan pengetahuan yang saya miliki.	53	40	5	2	0	4.44
30	Saya tetap berhasrat untuk menjadi seorang guru, walaupun terpaksa mengikuti kursus yang lama.	30	49	3	11	0	4.11
31	Saya sanggup mengadakan kelas tambahan kepada pelajar walaupun masa cuti umum dengan percuma.	37	49	3	11	0	4.12
32	Sebagai seorang guru saya bersedia melakukan tugas tambahan yang diperlukan.	38	53	9	0	0	4.29
33	Saya akan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran mengikut tahap pelajar saya.	49	51	0	0	0	4.49
34	Saya sanggup menghadiri khusus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya dalam pengajaran.	42	58	0	0	0	4.42
35	Sebagai guru, saya sanggup untuk bertugas di kawasan pedalaman	10	51	24	10	5	3.51
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>91.0</b>		<b>5.4</b>	<b>3.6</b>		<b>4.32</b>

Nilai min tertinggi adalah 4.76 iaitu bagi item 28, di mana seramai 98 % responden bersetuju bahawa seseorang guru itu akan berasa bimbang jika prestasi pelajar mereka merosot. Tidak terdapat seorang pun responden yang tidak setuju tetapi hanya 2% yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Min kedua tertinggi pula ialah nilai 4.58 bagi item 27, di mana seramai 98% bersetuju bahawa seseorang guru itu harus bersedia sebelum masuk ke kelas berbanding dengan lain-lain pekerjaan. Hanya seramai 2% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala tiada responden yang mencatat nilai tidak pasti. Item 26 menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.51. Sebanyak 98% responden bersetuju bahawa seseorang guru itu melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan rasa rela hati. Hanya terdapat 2% sahaja responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan tiada responden yang mencatat nilai tidak pasti.

Bagi item 33 juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.49. Sebanyak 100% bersetuju bahawa seseorang guru itu akan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran mengikut tahap pelajar mereka. Tiada responden yang tidak bersetuju dan tidak ada yang tidak pasti akan pernyataan ini.

Di dapati nilai min terendah bagi item 35 mencatat nilai 3.51. Seramai 61 % responden bersetuju bahawa seseorang guru itu sanggup bertugas di kawasan pendalaman. Manakala terdapat juga responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 15%. Namun demikian, bilangan responden yang tidak pasti melebihi daripada bilangan yang tidak setuju iaitu seramai 24%. Walaubagaimanapun, jumlah responden yang bersetuju dengan pernyataan ini adalah melebihi daripada bilangan yang tidak bersetuju dan tidak pasti.

Keseluruhannya , komitmen seseorang guru itu terhadap tugasnya sebagai guru ialah pada tahap yang tinggi kerana purata minnya 4.32. Ini menggambarkan yang guru menganggap bahawa mereka memberi komitmen yang tinggi terhadap tugas yang telah diamanahkan pada mereka.

*Persoalan Kajian 4: Apakah persepsi guru terhadap beban tugas seorang guru?*

Jadual 4 menunjukkan peratus dan min responden bagi pernyataan yang mengukur dari aspek beban tugas guru pada masa sekarang. Analisis menunjukkan min keseluruhan ialah 4.0. Ini menggambarkan bahawa beban tugas guru pada masa sekarang adalah bertambah. Daripada 10 pernyataan yang mengukur aspek beban tugas guru pada masa sekarang enam daripadanya adalah melebihi min keseluruhan.

Min tertinggi ialah dalam item 38 iaitu 4.73. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden bersetuju 100 % bahawa bilangan guru masih belum mencukupi di sekolah mereka. Ini diikuti pula item 36 dengan min 4.55, di mana seramai 92% bersetuju bahawa bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas membebaskan guru. Hanya sebanyak 0.8% yang tidak bersetuju dan tiada responden yang tidak pasti akan pernyataan tersebut.

**Jadual 4: Peratus Dan Min Respons Beban Tugas Guru**

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus (N=100)					Min
		SS	S	TP	TS	STS	
36	Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas membebankan guru.	73	19	0	6	2	4.55
37	Teknologi komputer dapat membantu meringankan beban tugas guru.	15	55	7	15	8	3.54
38	Kekurangan guru di sekolah menambahkan lagi beban tugas guru.	73	27	0	0	0	4.73
39	Tugas mengajar di luar opsyen menambahkan lagi beban tugas guru.	48	45	5	2	0	4.39
40	Kegiatan ko kurikulum yang dijalankan di sekolah membebankan para guru.	10	37	12	41	0	3.16
41	Tahap disiplin pelajar yang semakin meruncing menambahkan lagi beban tugas guru.	60	31	9	0	0	4.51
42	Fenomena guru mendera pelajar adalah ada kaitannya dengan beban tugas dan tanggungjawab guru yang sernakin berat.	21	35	25	15	4	3.54
43	Memeriksa buku-buku latihan pelajar menjadi semakin rumit sekarang.	47	49	4	0	0	4.43
44	Kebanyakan masa lapang guru dipenuhi dengan menanda buku-buku latihan pelaiar.	21	61	7	11	0	3.92
45	Saya bersedia untuk melakukan tugas-tugas tambahan yang	33	60	7	11	0	4.26

diperlukan.				
<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>77.3%</b>	<b>7.6%</b>	<b>15.1%</b>	<b>4.00</b>

Bagi item 41 pula, min menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 4.51. Seramai 91% responden bersetuju bahawa tahap disiplin pelajar yang semakin meruncing menambahkan lagi beban tugas guru. Terdapat 9 responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Manakala tiada responden mencatat nilai tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Item 43 juga mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.43. Sebanyak: 96% responden bersetuju bahawa memeriksa buku-buku latihan pelajar menjadi semakin rumit sekarang. Tiada responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini tetapi terdapat 4% responden yang tidak pasti akan pernyataan tersebut. Mengajar di luar opsyen atau di luar bidang akan menambahkan lagi beban tugas guru. Ini kerana nilai min adalah tinggi iaitu 4.39. Sebanyak 93% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala sebanyak: 2% responden tidak bersetuju dan terdapat juga responden yang tidak pasti tentang pernyataan tersebut iaitu sebanyak 5%.

Manakala nilai min terendah ialah bagi item 40 iaitu 3.16. Seramai 47% responden bersetuju bahawa kegiatan ko kurikulum yang di jalankan di sekolah membebaskan para guru. Namun demikian peratus yang tidak setuju juga tinggi iaitu seramai 41 % di tambah dengan peratus yang tidak pasti juga seramai 12%. Ini menunjukkan bahawa responden yang tidak bersetuju lebih ramai daripada responden yang bersetuju jika di campur dengan responden yang tidak pasti.

Keseluruhannya, beban tugas guru pada masa sekarang semakin banyak. Ini kerana min puratanya mencapai tahap yang tinggi iaitu 4.0.



## KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Daripada analisis kajian yang telah dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa:

- i. Guru menganggap bahawa kerjaya mereka sebagai guru adalah satu kerjaya yang mulia.
- ii. Para guru yang terlibat dalam profesion perguruan ini menganggap bahawa ilmu pengetahuan itu adalah penting dan mereka akan cuba mendapatkan ilmu setinggi yang boleh mengikut kemampuan mereka sendiri.
- iii. Guru juga menganggap bahawa pekerjaan sebagai guru adalah satu tugas yang mencabar.
- iv. Guru menganggap sumbangan yang telah mereka berikan kepada masyarakat dan negara adalah besar dan tinggi nilainya.
- v. Guru menganggap bahawa sumbangan yang mereka berikan pada masa sekarang tidaklah dihargai oleh masyarakat berbanding dengan masyarakat dahulu yang begitu menghargai jasa seorang guru.
- vi. Hasil daripada kajian menjelaskan bahawa para guru mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas mereka sebagai pendidik.
- vii. Para guru sanggup menghadiri kursus dalam perkhidmatan dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam dunia pengajaran.
- viii. Tahap kesanggupan guru yang telah berkeluarga untuk berpindah atau mengajar di kawasan pedalaman adalah kurang atau pada tahap yang sederhana.
- ix. Hasil daripada kajian menjelaskan bahawa beban tugas guru pada masa sekarang makin bertambah.
- x. Nisbah bilangan guru dengan pelajar yang tinggi menyukarkan pelaksanaan pengajaran guru dengan berkesan.

Akhir sekali adalah dicadangkan ujian minat atau career test perlu perlu diadakan dalam proses pengambilan guru atau semasa pengajian di institut perguruan ataupun di IPT. Ini untuk menentukan calon yang benar-benar berminat sahaja di ambil sebagai guru kerana tanggungjawab yang bakal mereka pikul nanti bukan dianggap sebagai beban tetapi sebagai satu amanah besar yang wajib dilaksanakan dengan penuh keikhlasan.

## RUJUKAN

Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library.

Noran Fauziah dan Ahmad Mahdzan. (1993). *Guru Dan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Omar Mohd Hashim. (1991). *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.